

Baca bahan di bawah dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Soalan 1 – 4 berdasarkan bahan di bawah.

Pintu rumah diketuk. Sim Pau berada di dapur yang ketika itu sedang menyiapkan sup untuk Lim Pooi. Sim Pau lekas-lekas ke hadapan untuk melihat siapa yang datang. Dia membuka pintu.

“Lim Meng.”

“Mama.”

Mereka berpelukan. Rindu yang sangat mendalam terubat. Semasa berpelukan, Lim Meng dapat merasakan ada *sebatang tubuh yang lemah* berdiri di belakang mereka.

“Lim Meng.” Sayu Lim Pooi memanggil nama anaknya. Lim Meng yang melihat sahaja Lim Pooi terus mahu beredar. Dia tahu bahawa papanya tidak suka akannya. Papanya boleh berbuat apa-apa sahaja. Kali ini tentu diparang kepalanya jika dia menjejakkan kakinya di rumah itu.

“Tunggu, Lim Meng.” Lim Meng berhenti melangkah. Dia memalingkan mukanya ke belakang.

“Maafkan papa.”

Lim Meng tidak tega lagi menyimpan dendam. Dendam itu suatu penyeksaan. Namun, apabila memikirkan tindakan yang pernah dibuat oleh papanya dia merasakan bahawa papanya ialah orang yang paling kejam di dunia ini.

“Betul, Lim Meng. Maafkan papa kamu.” Sim Pau cuba masuk campur.

Lim Meng menahan sebak di dadanya. Air matanya mula membanjiri pipinya. Lim Meng berlari-lari anak dan merangkul tubuh Lim Pooi. Mereka berdakapan. Setelah sekian lama, itulah kali pertama Sim Pau melihat air mata Lim Pooi jatuh kerana Lim Meng.

Dipetik daripada cerpen ‘Kuih Bakul Limau Mandarin’, Antologi *Kuingin Berterima Kasih*,
Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia

1. Berdasarkan petikan cerpen, mengapakah Lim Meng ingin beredar apabila melihat Lim Pooi?
 - A Lim Meng sedar bahawa bapanya tidak menyukai dirinya.
 - B Lim Meng tidak mahu berjumpa dengan Lim Pooi.
 - C Lim Meng berdendam dengan bapanya.
 - D Lim Meng tidak mahu dimarahi oleh bapanya lagi.
2. Maksud *sebatang tubuh yang lemah* dalam petikan cerpen di atas ialah
 - A seseorang yang dalam keuzuran.
 - B seseorang yang sedang kemurungan.
 - C seseorang yang dalam kesedihan.
 - D seseorang yang sedang kepenatan.
3. Apakah teknik plot yang digunakan oleh pengarang dalam perenggan pertama petikan cerpen di atas?

- A Saspens
- C Dialog
- B Monolog dalaman
- D Pemerian

4. Antara yang berikut, yang manakah **bukan** pengajaran yang terdapat dalam petikan cerpen?
 - A Kita mestilah menyayangi ahli keluarga kita.
 - B Kita mestilah insaf akan kesalahan yang telah dilakukan.
 - C Kita mestilah berani memberikan kemaafan kepada orang lain.
 - D Kita mestilah membalas jasa ibu bapa yang telah membesarkan kita.
5.

“Betul, Lim Meng. Maafkan papa kamu.”
Sim Pau cuba masuk campur.

Simpulan bahasa yang sesuai dengan situasi dalam petikan di atas ialah

- A pak turut.
- C orang tengah.
- B anak buah.
- D ibu keladi.